

**BAHAGIAN JARINGAN  
INDUSTRI, MASYARAKAT  
& KELESTARIAN INSTITUSI**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

*DIVISION OF INDUSTRY NETWORK, COMMUNITY & INSTITUTIONAL SUSTAINABILITY*

# Info Korporat Unit Peneraju Inovasi Sosial & Pemindahan Ilmu



# PENGENALAN

## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU

Unit Peneraju Inovasi Sosial & Pemindahan Ilmu, Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat & Kelestarian Institusi (BJIM&KI) memberi fokus kepada pemerksaan golongan terbawah dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi mereka melalui aktiviti Inovasi Sosial dan Pemindahan Ilmu (Inovasi & Teknologi). Unit ini menjadi pusat rujukan dalam pengurusan kemiskinan melalui program Pembangunan Sosioekonomi, Pembangunan Modal Insan, dan Pembangunan Pendidikan dengan menyediakan perkhidmatan, kepakaran, dan kerjasama strategik bagi merangka strategi dan projek berimpak tinggi dalam usaha mengurangkan jurang sosial dalam masyarakat setempat.



# VISI & MISI

## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU

"Menjadi peneraju dalam bidang inovasi sosial dan pemindahan ilmu hasil penyelidikan universiti demi menyejahterakan golongan terkebahawah pada peringkat tempatan dan antarabangsa."



Merancang dan melaksanakan program inovasi sosial dan pemindahan ilmu dengan efektif melalui kerjasama rakan strategik bagi meningkatkan kesejahteraan golongan terbawah pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

**VISI**

**MISI**

Menyediakan kepakaran, perkhidmatan konsultansi dan menjadi pusat rujukan bagi inovasi sosial dan pemindahan ilmu, serta mendorong penglibatan aktif masyarakat dan pihak berkepentingan lain dalam usaha membangunkan masyarakat mampan dan mencipta impak positif dalam menguruskan kemiskinan.



# OBJEKTIF

## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU

01

Melaksanakan projek berimpak tinggi yang berfokus kepada tiga (3) kluster utama iaitu Pembangunan Sosioekonomi, Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Pendidikan dengan memperlihatkan impak positif dalam mengurus kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan golongan terke bawah.

02

Menjadi pusat rujukan utama dalam inovasi sosial dan pemindahan ilmu dengan menyediakan panduan dan sumber daya kepada masyarakat, universiti, rakan strategik, dan pihak berkepentingan lain untuk Merancang, Melaksana, Mengurus, dan Memantau (4M) projek berimpak tinggi.

03


Mendorong kerjasama dengan universiti, rakan strategik, dan pihak berkepentingan lain untuk menghasilkan pengetahuan, teknologi, dan praktik terbaik dalam inovasi sosial dan pemindahan ilmu, dengan tujuan mengurangkan jurang sosial dan meningkatkan kesejahteraan golongan terke bawah.



# PENDEKATAN 4M


## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU

### 1) Merancang




Merancang projek yang berimpak tinggi dengan mengambil kira aspek kesesuaian projek/aktiviti pemindahan ilmu yang dipacu permintaan. Projek yang dirancang akan disesuaikan secara “by design” dengan menjawab pernyataan masalah yang dikenalpasti dan objektif yang disasarkan oleh setiap pemegang taruh.

### 2) Mengurus




Menguruskan projek dengan efektif dan efisien dengan mengambilkira pelbagai aspek seperti pengurusan sumber manusia, kewangan, garis masa projek dan pengurusan risiko bagi memenuhi perancangan projek.

### 3) Melaksana



Melaksanakan projek yang dirancang dengan mengambil kira aspek kecekapan dan proses pelaksanaan yang sistematik serta efisien. Proses intervensi akan dilaksanakan dari masa ke masa bagi memastikan pelaksanaan projek selari dengan tujuan dan objektif yang ditetapkan.

### 4) Memantau



Melibatkan proses pemantauan dan penilaian prestasi semasa projek dari masa ke masa bagi memastikan projek yang dijalankan adalah mengikut garis masa yang dirancang. Instrumen pemantauan dan penilaian projek yang bersesuaian akan digunakan bagi memastikan prestasi projek sentiasa direkod.

# KLUSTER UTAMA

## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU

### PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

Program Pembangunan Sosioekonomi mengaplikasikan pendekatan *end-to-end* bagi menangani cabaran sosial dan ekonomi secara komprehensif dengan memberi tumpuan kepada pengurangan jurang taraf ekonomi, keusahawanan dan pembangunan perniagaan kecil, pengurusan kewangan, latihan kemahiran dan pekerjaan, pemerkasaan wanita, pembangunan luar bandar dan pembangunan masyarakat.

Inisiatif yang berfokus kepada sokongan awal hingga akhir ini bertujuan untuk membantu dan memperkasakan individu serta komuniti dengan meningkatkan kesejahteraan ekonomi, menggalakkan keterangkuman sosial dan mengurangkan ketidaksamaan, akhirnya mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan saksama serta memperoleh peluang yang sama untuk berkembang maju.

### PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

Program Pembangunan Pendidikan memberi fokus kepada peningkatan akses, kualiti dan keterangkuman dalam pendidikan yang bertujuan untuk memastikan semua individu, termasuk kumpulan terpinggir, mempunyai peluang yang sama dalam aspek penerimaan pendidikan berkualiti.

Usaha dilakukan dengan mewujudkan program pendidikan awal kanak-kanak, meningkatkan literasi digital, meningkatkan minat dalam bidang Sains melalui program STEMtation, menyediakan latihan vokasional dan menawarkan pembangunan profesional kepada guru. Selain itu, penglibatan dan sokongan daripada komuniti diutamakan bagi mewujudkan persekitaran pendidikan yang holistik dan inklusif. Secara keseluruhan, Program Pembangunan Pendidikan menyumbang kepada kemajuan masyarakat dengan memperkasakan individu dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.


### PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Pembangunan Modal Insan adalah proses peningkatan dan pelaburan dalam pengetahuan, kemahiran dan kebolehan individu, mengiktiraf mereka sebagai sumber yang berharga dengan tujuan bagi memperkasakan masyarakat melalui pendidikan formal, latihan dan inisiatif pembelajaran sepanjang hayat, membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling yang sentiasa berubah, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan menjalani kehidupan yang memuaskan.

Melalui proses pembangunan keupayaan masyarakat, Pembangunan Modal Insan menyumbang kepada produktiviti, inovasi dan kesejahteraan secara menyeluruh, di samping turut menangani cabaran dalam masyarakat dan mempromosikan pembangunan mampan.

# ORGANIZATIONAL STRUCTURE

## SOCIAL INNOVATION & KNOWLEDGE TRANSFER UNIT






# THE Impact Ranking 2023


## KEDUDUKAN IMPAK 2023

“Mencipta impak positif dalam menguruskan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan golongan terkebahwa serta melibatkan masyarakat dan pihak berkepentingan.”



# RINTISAN

## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU





# RAKAN STRATEGIK

## UNIT PENERAJU INOVASI SOSIAL & PEMINDAHAN ILMU

### Agensi Pembiaya



### Agensi Kerajaan



### Agensi Swasta





"... **Berfikiran global** dan bertindak lokal memaksa kita memikirkan soal apakah yang masih perlu dilakukan selepas selesai menjalankan penyelidikan dan menerbit dalam jurnal berimpak tinggi. Bagaimana ilmu yang telah diterokai boleh dipindahkan kepada masyarakat. Bertindak lokal memberi kita ruang untuk meneruskan usaha meneroka ilmu kepada pemindahan ilmu dan teknologi demi pembangunan industri tempatan dan masyarakat.

Usaha pemindahan ilmu untuk faedah negara tidak lagi dilihat sebagai peranan sampingan (pinggiran), tetapi menjadi sebahagian daripada agenda penting universiti. Bertindak lokal juga memberikan ruang yang luas untuk membina budaya kolaborasi antara universiti dengan **industri dan komuniti** ..."





**USM** menjalankan peranannya dalam memangkin **hala tuju** dengan memberi komitmen yang lebih jitu terhadap transformasi masyarakat di sekelilingnya.

Dengan menggunakan sumber yang ada, sama ada kepakaran, sumber manusia mahupun kemudahan, USM terus membina **kolaborasi** dan **kerjasama** yang bermakna dengan masyarakat dan industri dalam menangani isu-isu dan keperluan-keperluan semasa, serta menyediakan penyelesaian bagi mencapai transformasi yang memanfaatkan rakyat dan negara.



*Program*  
**PEMBANGUNAN  
SOSIOEKONOMI**







## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

### “INNOVATION FOR COMMUNITY (INNO4C), COMMUNITY SCALE-UP PROJECT”

Menyediakan komuniti dengan kemahiran, pengetahuan, kewangan dan sokongan pengurusan bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi (meningkatkan aktiviti rantai nilai). Matlamat utama adalah untuk menambah/pendapatan tambahan, meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan peluang pekerjaan.

**RM13,550,000.00**

Pembiayaan oleh TERAJU

**8 Projek “Scale-up”**

berpusatkan rakyat (*people centric*) yang berimpak tinggi

**33 Lokasi Projek** di Sarawak, Sabah dan Kedah

**400**

Peserta Projek Kumpulan B40

**360**

Peluang Pekerjaan **BERJAYA** diwujudkan

**50%-100%** Peningkatan Produktiviti **MELALUI** penggunaan inovasi & teknologi yang diperkenalkan

**RM600-RM7,500**

Purata Pendapatan **DITERIMA HASIL** dari pelaksanaan projek

**68** Inovasi Sosial

dipacu permintaan, *high touch* dan *high impact*

**19**

Pembangunan **PRODUK**

baharu dan ditambah baik bagi menjana pendapatan peserta



► **Pensijilan Halal, MeSTI, GMP & HACCP** meningkatkan imej dan capaian produk

► **PENINGKATAN** kualiti & standard produk komuniti

► **PENINGKATAN** harga madu kelulut dari **RM40.00kg kepada RM120.00kg**

► **Perjanjian pembekalan** melibatkan Bayu Gagah Sdn Bhd, Corak Rentak Sdn Bhd & Pharmaniaga dan beberapa industri menjamin permintaan produk & pendapatan peserta

► **Penembusan pasaran produk** ke pasaran tempatan dan antarabangsa.





## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

### “SUSTAINABLE MARKETING FOR COMMUNITY (SMART COMMUNITY), PRODUCT COMMERCIALIZATION”

Menyediakan platform bagi produk Sarawak untuk dipasarkan dan bersaing secara kompetitif dalam pasaran antarabangsa dan sejajar dengan keperluan risikan pasaran, selain daripada menambah baik dan mengembangkan program komuniti semasa.

**RM7,000,000.00**  
Pembiayaan oleh TERAJU



# 233

Peserta Projek melibatkan komuniti INNO4C dan Usahawan IKS KUMPULAN B40 Sarawak

**Penglibatan 7 Rakan Industri** sebagai *One Stop Centre (OSC)* dan rakan pemasar ANTARABANGSA

## 28 SKUs

Produk Sarawak berjaya menembusi pasaran antarabangsa

## 13 SKUs

Produk berjaya didaftarkan dengan FDA Regulation

## RM2,291,027.18

NILAI JUALAN dalam tempoh **28** bulan pelaksanaan program

Produk dipasarkan di **7 Negara** iaitu US, Japan, Saudi Arabia, China, Australia, Vietnam & Brazil

Memasarkan produk di **9 Platform Online Antarabangsa** iaitu Rakuten.co.jp, halal2go.co.jp, yahoo.co.jp, (Jepun) Walmart.com, Amazon.com, Natharvest.com (USA), kedai.asia.com (Saudi), bayumall.com, bayu-Taiwan.com

Memasarkan produk di **10 Outlet Antarabangsa** iaitu Hyper Don Quijote Shibuya and Hyper Don Quijote Osaka, Kedai Asia dan Mecca Clock Tower

Mempromosikan produk di **8 EXPO ANTARABANGSA** antaranya Food Expo di US, Japan, Kuala Lumpur dan Sarawak Week di Saudi



► Produk menerima status “*preferred choice*” di platform Walmart.com, Amazon.com, Natharvest.com (USA).

► Sarawak Week di Arab Saudi menjana **RM33,000.00** hasil jualan dalam satu malam

► Enescorp LLC rakan kerjasama SMART adalah **PENGEDAR TERBESAR Madu Kelulut** Sarawak di Amerika Syarikat.

► **35 peluang pekerjaan** telah ditawarkan kepada rakyat Malaysia di Arab Saudi, Jepun dan Amerika Syarikat.



## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

# “STIMULATING INDUSTRY PROGRAMS (SIPS)-INDUSTRY SUPPLY CHAIN”

SIPS sebagai platform untuk membangunkan ekosistem yang dinamik dengan mewujudkan ruang pasaran yang lebih luas serta menggalakkan pemodenan, terutamanya dalam kalangan peruncit konvensional (usahawan IKS Gula Apong atau Penuak) untuk meningkatkan daya saing yang merangkumi pengeluaran bahan mentah, logistik & perkhidmatan pengangkutan sokongan bekalan rantaian, pembungkusan, pengedaran borong dan pusat pengedaran. Bagi menjamin kelestarian aktiviti ekonomi, kerjasama industri iaitu SPL Sdn Bhd akan menyokong rantaian bekalan dan memastikan rangkaian pengedaran runcit tidak terjejas.

**RM5,000,000.00**  
Pembiayaan oleh TERAJU

**60** Usahawan IKS atau Penuak Kumpulan B40 merupakan penerima manfaat

**6 Lokasi**  
Projek di Sarawak



PENGHASILAN

**40** Ribu Kg

Gula Apong bagi memenuhi permintaan pasaran setahun

**RM1,500-  
RM3,000**

Purata Pendapatan diterima hasil dari projek

**RM10-  
RM15/Kg**


Floor Price harga pasaran berjaya ditetapkan berbanding **RM6-RM8/Kg** dan jaminan pembelian oleh rakan industri



**50% Peningkatan** PRODUKTIVITI penghasilan Gula Apong oleh Penuak

**4 Inovasi Sosial** rumah pemrosesan, dapur memasak, tabung Nyra dan pemodenan rantaian pemasaran (*high touch* dan *high impact*) telah diperkenalkan

**5 SKUs Produk** baharu dihasilkan untuk pasaran tempatan dan ANTARABANGSA



- ▶ Peningkatan kualiti & standard industri **Gula Apong**
- ▶ Pensijilan Halal, MeSTI, GMP & HACCP meningkatkan imej dan capaian produk **Gula Apong**
- ▶ Pemeriksaan Penuak Gula Apong melalui pemindahan ilmu dan teknologi penghasilan Gula Apong berkualiti
- ▶ Produk dipasarkan oleh SPL Sdn Bhd ke pasaran tempatan dan ANTARABANGSA





## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

### PROGRAM PERUSAHAAN SOSIAL KEMENTERIAN KEWANGAN (SE-MOF)

Projek ini memberi tumpuan kepada satu model yang mengambil kira semua faktor di peringkat hulu. Antaranya, mengubah pengurusan secara menyeluruh, berasaskan sains dan teknologi (high touch, high impact) serta mekanisme mengurangkan kebergantungan tenaga kerja melalui automasi proses, pengurusan lebih cekap & efisien, pembungkusan, penjenamaan & imej baru, mesra alam & lestari, aktiviti pengeluaran sebagai komoditi ekonomi bernilai tinggi, konsep berasaskan komuniti dan pendekatan komersil serta penghasilan produk bermutu dan premium. Projek yang dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Produk Rambutan, Projek Integrated Multi-Trophic Aquaculture Farming (IMTA) Scale-Up Project for Seaweed and Lobster dan Projek Black Soldier Fly Larvae (BSFL) : Inovasi Makanan Haiwan Masa Hadapan

# RM1,487,000.00

Pembiayaan oleh Kementerian  
Kewangan (SE-MOF)

### 3 Projek SE-MOF

berpusatkan rakyat (*people centric*) yang berimpak tinggi

3 Lokaliti Komuniti di  
Penang dan Kedah



# 20

Peserta Projek  
kumpulan B40  
mendapat peluang  
pekerjaan/keusahawan

**25%-50%**  
PENINGKATKAN  
Pendapatan  
tambahan kepada  
peserta projek secara  
purata **RM1,000-  
RM2,500** sebulan.

50% Peningkatan  
PENGELUARAN  
melalui penggunaan  
inovasi & teknologi  
yang diperkenalkan

**30** Penciptaan  
Pekerjaan kepada  
komuniti setempat  
dalam rangkaian  
pelaksanaan projek

Penjimatan Kos Makanan  
ternakan ayam selepas  
inovasi dan teknologi  
diperkenalkan



► **Transformasi**  
Ekonomi komuniti  
melalui 1 daerah,  
1 komuniti, 1 produk

► Memberi tumpuan  
kepada pemasaran  
**MODERN TRADE**  
sebagai strategi  
**PEMASARAN**

► **PENSIJILAN**  
Halal, MeSTI  
GMP & HACCP  
meningkatkan imej  
dan capaian produk

► Menyumbang  
kepada *food security*  
dan pengeluaran  
makanan berkualiti  
tinggi dan bertaraf  
premium





## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

### PEMERKASAAN EKONOMI B40 MELALUI INOVASI PENANAMAN PADI POLIBEG

Program Pemanduan ilmu dan teknologi berpacuan permintaan dan nilai bagi mempertingkatkan taraf ekonomi komuniti yang terlibat melalui peningkatan produktiviti yang dapat menjana pendapatan tambahan seterusnya meningkatkan kualiti hidup. Secara amnya inovasi projek ini menggunakan penanaman padi secara polibeg serta kaedah penanaman yang lebih ringkas dan menjimatkan kos berbanding kaedah penanaman padi secara tradisional yang memerlukan tanah yang luas serta kos yang tinggi. Inovasi yang diketengahkan juga lebih lestari kerana mengunapakai ruang yang sedia ada serta penggunaan air yang sedikit. Hasil kaedah ini juga memberikan hasil yang lebih baik iaitu kitaran penuaian sebanyak 3 kali setahun berbanding kaedah tradisional

**RM341,147.00**

Pembiayaan oleh Yayasan Hasanah

20 Peserta Projek kumpulan B40 mendapat peluang penjana pendapatan tambahan

2 Lokality Komuniti di Pendang dan Baling Kedah

**22%**

PENJIMATAN  
Perbelanjaan  
ISI RUMAH  
bersamaan dengan  
**RM547.75**  
setahun menggunakan  
hasil beras untuk  
kegunaan isi rumah

**RM 5,391.30**

Purata Pendapatan  
Setahun diterima  
peserta projek  
menyamai bantuan  
isi rumah oleh  
kerajaan Malaysia

**Penuaian 3**

Kali Setahun iaitu  
penghasilan **9.2 tan**  
beras organik secara  
keseluruhan

**MENINGKATKAN**  
produktiviti  
penghasilan beras  
organik dalam komuniti

**M**enjamin dan  
Memenuhi Bekalan  
Makanan Asas  
kepada isi rumah secara  
berterusan

Pensijilan Halal, MeSTI,  
**GMP & HACCP**  
meningkatkan imej  
dan capaian produk

Peningkatan Kualiti  
& standard produk komuniti





## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

# MADU KELULUT UNTUK KOMODITI BARU MELALUI PROJEK MERCU TANDA KEMAJUAN MADU NASIONAL / ADVANCE NATIONAL HONEY LANDMARK (ANNAHL)

Lebah kelulut menghasilkan pelbagai produk yang mendapat permintaan tinggi, termasuk madu (madu kelulut), propolis dan roti lebah (polen). Kelulut juga melakukan aktiviti pendebungaan untuk kelestarian biodiversiti Malaysia selain menjadi aset kritikal pendebungaan pertanian untuk **food security**. Oleh itu, pemeliharaan lebah kelulut harus dianggap sebagai medium penting untuk mencapai pembangunan negara yang lestari. Namun, jumlah koloni lebah liar di Malaysia menurun dan diancam aktiviti pemburuan madu, pembalakan, pembangunan dan penggunaan racun perosak di ladang. Untuk itu, satu inisiatif mewujudkan industri baru yang membentuk pelbagai pemegang taruh melalui pemantapan rantaian produk kelulut yang akan memastikan perolehan pendapatan lumayan dan menghasilkan timbalbalik untuk konservasi lebah. Objektifnya untuk melengkapkan rantaian madu kelulut premium ke pasaran antarabangsa melalui pengilangan berstatus GMP dan HACCP



## PREMIUM HONEY OUTPUT



**225**  
penternak  
LEBAH

**30 tan**  
MADU  
(RM3.6 M)

## HASIL & IMPAK

**7 Pusat**  
Pengumpulan  
Madu Komuniti

**Spin-Off  
Company**

3 industrial  
collaborations

**2 kilang**  
(NPRA & BKM) dengan  
pensijilan  
ANTARABANGSA  
dibangunkan

## SUPPLY CHAIN ADVANCEMENT

- 1 SUSTAINABLE BEEKEEPING - MUSTAFA Hive (patented)**
- 2 Post harvest fermentation inhibition - HILDA System (patented)**
- 3 Authenticity & Freshness Traceability - KEIFh System (copyrighted & patent pending)**



**4** International Certified Plant - GMP, HACCP, ISO22000, Halal, & MeSTI

**RM1,927,000.00**

Pembiayaan oleh Geran Penyelidikan Strategik Translational (TR@M) KPT




## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

# GREEN AQUACULTURE TO BOOST OYSTER INDUSTRY AND COASTAL COMMUNITIES IN MALAYSIA

Melalui sains, tiram boleh dibiakkan secara buatan dan mudah dikultur. Penyelidik telah menterjemahkan sains kepada pendekatan yang mudah diterima pakai dan disesuaikan untuk mengupayakan golongan terbawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka (berpusatkan rakyat): **Low Tech with High Touch**. Projek ini berupaya mengisi jurang pengetahuan pengeluaran benih **tiram tropika** melalui akuakultur hijau (berasaskan alam semula jadi dan dipacu nilai). Akuakultur yang lestari dapat menjadi sebahagian penyelesaian keselamatan makanan dan menyokong mata pencarian pantai masyarakat pesisir sebagai sumber protein yang sihat. Melalui penternakan tiram secara semula jadi menyumbang jejak Karbon yang rendah. **Objektif projek adalah untuk mempromosikan penternakan tiram kepada masyarakat pesisir pantai bagi meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan keseimbangan antara ekonomi dan alam sekitar.**

## RM1,500,000.00

Pembiayaan oleh Geran Penyelidikan Strategik Translasi (TR@M) KPT



FERTILIZED eggs using cryopreserved sperms



Hasil penyelidikan **FRGS** kepada **Penyelidikan Translasi** yang memberi impak kepada kerajaan, komuniti, industri dan akademia

## RM3,000


Purata Pendapatan diterima lebih daripada 20 peserta **B40** pesisir pantai

Pelaksanaan Projek di **7** Negeri iaitu Penang, Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor and Sabah



Industri tiram telah berkembang dengan **ramai pelabur MENCEBURI INDUSTRI TIRAM** di sepanjang rantaian pembekalan

Limpahan ekonomi kepada komuniti **pesisir pantai** melalui aktiviti agro-pelancongan



Microscope images of fertilized oocytes using cryopreserved sperms (scale bar = 20µm)



*Program*  
**PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN**





## PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

# EMPOWERNCER : AKADEMIK PULAU PINANG 2020-2023

Program ini berfokus untuk meningkatkan dan memperkasakan komuniti melalui program akademik sebagai langkah untuk menyeimbangkan jurang taraf sosial masyarakat melalui objektifnya iaitu menyediakan pendidikan holistik kepada golongan B40 untuk mencapai kecemerlangan pendidikan dan kemahiran insaniah. Ia melibatkan modul pembelajaran secara kelas bimbingan, STEMtation, bengkel pecutan akhir SPM dan juga penempatan laluan kerjaya selepas SPM. Kelas bimbingan yang dijalankan adalah secara dalam talian yang dikendalikan oleh *coaches* terdiri daripada pelajar USM. Secara ringkasnya, program ini dijalankan adalah untuk membantu murid SPM daripada golongan B40 bagi mendapatkan pendidikan yang seimbang.

**RM4,455,000.00**

Pembiayaan oleh Yayasan Petronas & NCIA

**1,900 Pelajar B40**  
SPM 2020, SPM 2021 & SPM 2022

**25 Buah Sekolah dari**  
5 Daerah Pulau Pinang



**RM855,000.00**  
SUMBANGAN  
Tablet sebagai  
alat bantu belajar

**RM285,000.00**  
Sumbangan Pelan  
Data bagi tempoh  
**18 bulan** sehingga  
**penempatan**  
ke universiti

Memperkasakan  
**267 Guru** dengan  
kaedah **Pengajaran**  
**Abad Ke 21 (PAK21)**  
dan pedagogi pendidikan  
yang interaktif

**Pemerkasaan**  
**2,800 Ibu Bapa**  
tentang kepentingan  
pendidikan anak-anak  
demi masa hadapan  
yang lebih baik



**410 Penglibatan**  
Mahasiswa USM  
sebagai 'coaches' dan  
**RM327,698.00**  
diperuntukkan sebagai  
bayaran elaun *coaches*

**98%** Pelajar Lulus  
keseluruhan subjek SPM

**20% Pelajar**  
Cemerlang memperoleh  
keputusan 4A dan ke atas  
dalam pencapaian SPM

**60% Peningkatan**  
Gred Purata Murid (GPM)  
sekolah berbanding  
pencapaian sebelumnya

**92.6% Peningkatan**  
Prestasi Kehadiran  
menunjukkan peningkatan  
terhadap kesedaran  
dan kepentingan pendidikan

**99.3% Menerima**  
**PENEMPATAN**  
menyambung  
pelajaran ke  
peringkat seterusnya







## PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

### PROGRAM MANTAP SPM : PROGRAM PEMANTAPAN SPM BAGI CALON KAWASAN TERPINGGIR BARAT DAYA

Projek ini adalah untuk meningkatkan dan memperkasakan komuniti melalui program akademik sebagai langkah untuk menyeimbangkan jurang taraf sosial masyarakat dengan objektif bagi menyediakan pendidikan yang holistik kepada golongan B40 untuk mencapai kecemerlangan pendidikan dan kemahiran insaniah. Selain itu, **projek ini juga memberikan penekanan** kepada modul pembelajaran seperti kelas bimbingan secara dalam talian dengan menyediakan peranti (tablet) dan kad sim dengan pelan data tanpa had kepada peserta. Kelas bimbingan yang dilaksanakan ini dikendalikan oleh mahasiswa USM sebagai *coaches* dengan memfokuskan kepada lima subjek teras SPM. Inisiatif ini dapat mendorong peserta untuk meningkatkan pencapaian dan cemerlang dalam SPM sekaligus mendedahkan peserta dengan pendidikan digital selari dengan **Revolusi Industri 4.0**.

**RM90,000.00**  
Sumbangan Tablet  
sebagai alat  
bantu belajar

**RM30,000.00**  
**SUMBANGAN**  
**Pelan Data**  
bagi tempoh 18 bulan  
sehingga penempatan  
ke universiti

**100**  
**Jam Kontak**  
Kelas bimbingan secara  
percuma oleh  
*coaches program*

80% Peningkatan Prestasi  
Kehadiran menunjukkan  
peningkatan terhadap  
**kesedaran dan**  
kepentingan pendidikan

**50% Peningkatan**  
Gred Purata Murid (GPM)  
sekolah berbanding  
**PENCAPAIAN**  
sebelumnya

Pelajar mendapat  
bimbingan laluan  
kerjaya selepas SPM

**RM370,500.00**

Pembiayaan oleh Yayasan Hasanah

**200 Pelajar B40**

SPM 2022 menerima manfaat

**6 Buah Sekolah**

daripada daerah Barat  
Daya menerima manfaat





# Program PEMBANGUNAN MODAL INSAN





## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### YAYASAN PETRONAS EMPOWER ECER SKILL TRAINING AND ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME

Pemeriksaan nilai modal insan dalam setiap peserta menjadi fokus utama sepanjang pelaksanaan program ini. Melalui program ini, semua peserta yang terlibat disasarkan untuk peningkatan tahap kebolehpasaran (marketability) perniagaan dan kebolehpasaran (employability) individu. Program ini juga sebagai inisiatif untuk meningkatkan Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA) komuniti sasaran sementara menunggu suatu program yang lebih komprehensif.

**RM2,680,000.00**

Pembiayaan oleh Yayasan Petronas & ECERDC

**400 Peserta Penerima Manfaat** terdiri daripada graduan, belia dan orang dewasa yang menganggur, ibu tunggal dan kumpulan berpendapatan rendah

**2 Lokaliti Projek** iaitu di Pasir Mas dan Kota Bharu

#### 5 Kluster Latihan Keusahawan & Kemahiran

iaitu Makanan & Minuman, Pertanian & Penternakan, Kemahiran & Pertukangan,

Peruncitan & E-commerce

dan Elektrik & Elektronik

#### 24 Kursus KEMAHIRAN dengan 120 jam

kontak latihan keusahawan dan KEMAHIRAN secara percuma

RM400,000.00 Kit Permulaan Perniagaan diberikan kepada peserta sebagai **start-up** PERNIAGAAN

**60% Usahawan** Memiliki Perniagaan berdaftar dalam pelbagai bidang



**40% Pekerja Berkemahiran Tinggi** melalui PENSIJILAN yang diiktiraf

RM1,200-RM2,500 Purata Pendapatan Bulanan diterima oleh peserta program

Pemadanan Pembiayaan kepada peserta projek bagi mengembangkan aktiviti perniagaan mereka



## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)

USM ialah institusi pengajian tinggi pertama di Malaysia yang menubuhkan PPDK di dalam kampus iaitu pada tahun 2014. PPDK merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU). PPDK menjadi platform kepada pakar-pakar USM untuk menyumbang kepakaran seperti menggunakan kepakaran terapi carakerja dan jurupulih-jurupulih perubatan yang terlatih. PPDK USM dimanfaatkan sepenuhnya untuk menempatkan anak staf kategori OKU untuk tujuan pemulihan dan secara tidak langsung komuniti sekitar turut menerima manfaat.

**RM1,600,000.00**

Pembiayaan oleh KPT-MOF

**RM80,000 - RM140,000**

Peruntukan Tahunan di salurkan JKM kepada PPDK sejak ditubuhkan

**USM, Universiti Pertama  
mewujudkan PPDK  
DALAM UNIVERSITI**

**Penubuhan 3  
PPDK USM sejak  
2014-2022 untuk  
manfaat warga kampus  
dan komuniti  
sekitar kampus**

**271 Pelatih OKU  
ditempatkan di PPDK  
berumur dari 3 tahun  
hingga 17 tahun  
merupakan keluarga  
warga USM dan  
komuniti sekitar**

**7 Kategori OKU  
termasuk mental  
dan fizikal ditempatkan  
di PPDK USM**

**8 Modul Bimbingan  
Ibubapa dihasilkan  
untuk bimbingan  
kepada ibubapa  
yang mempunyai anak OKU**

**17 Jenis Latihan/Aktiviti  
diaplikasikan kepada  
pelatih dan ibubapa  
bagi penjagaan dan  
pemulihan OKU**



**USM Membantu  
penubuhan PPDK  
UniSZA melalui geran  
Translational MRUN**

**PPDK USM sebagai  
penanda aras bagi  
PPDK UA lain dan  
rujukan kepada pihak  
KPT, MOF dan JKM**

**PPDK USM  
berjaya menukar  
status pelajar dari  
PPDK kepada sekolah  
aliran perdana**





## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PROGRAM LATIHAN PEKERJAAN OKU INTELEK

Pelaksanaan Program Latihan Pekerjaan OKU Intelek pada awalnya adalah untuk menyelesaikan isu lambakan OKU tua di PPDK yang berdekatan dengan USM. Manakala matlamat khusus projek Program Latihan Pekerjaan OKU Intelek adalah untuk membolehkan OKU Intelek bekerja mengikut kemampuan mereka. Sehingga kini, 120 orang OKU Intelek telah berjaya ditukar status dari 'liabiliti' kepada 'produktiviti'.

**RM350,000.00**

Pembiayaan oleh Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Kelantan (MAIK)

**RM80,000 - RM140,000**

Peruntukan Tahunan di salurkan JKM kepada PPDK sejak ditubuhkan

**156% Peningkatan**

Permintaan Pelatih daripada 3 pelatih di awal program sehingga 47 pelatih buat masa terkini

**120 Graduan**  
Program bergraduasi dan menamatkan program dengan jayanya

**109 Graduan**  
Berkerjaya dengan diambil bekerja dalam pelbagai bidang

**3 Graduan**  
Usahawan mengusahakan perniagaan sendiri dalam bidang makanan dan pertanian

Modul yang diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Tenaga Kerja Negeri (JTK) dan agensi majikan

**Kelantan menjadi** negeri yang tertinggi dalam menghasilkan **OKU bekerja** selaras dengan **PEMERKASAAN** program ini di USM Kampus Kesihatan



## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PROGRAM MODIFIKASI KERUSI RODA

Program kerjasama Universiti Sains Malaysia dengan Rajanagarindra Institute of Child Development (RICD), Thailand memberi tumpuan kepada penyediaan sebuah pusat yang menyediakan servis alat bantuan seperti kerusi roda yang dimodifikasi sesuai dengan keperluan dan keadaan pesakit lumpuh atau kecacatan kekal. Sebelum proses menyediakan kerusi roda yang sesuai dan modifikasi, pemohon akan melalui proses penilaian kecacatan untuk membolehkan kerusi roda yang disediakan dapat membantu pemulihan pesakit atau tidak memberi kesan yang lebih teruk kepada kecacatan. USM dan RICD telah menandatangani perjanjian MOU pada tahun 2012 untuk bekerjasama dalam pemberian kerusi roda kepada USM.

**RM 992,998.09**

**(Baht 9,541,060)**

Pembiayaan oleh  
Rajanagarindra  
Institute of Child  
Development (RICD)



Gabungan Kepakaran  
iaitu kepakaran  
terapi carakerja dan  
kepakaran teknikal  
kerusi roda USM-RICD

**511 Penerima  
KERUSI RODA**  
mengikut keperluan  
masing-masing dari  
seluruh Malaysia  
sejak 2012-2022

**RM1,000,000.00**

Geran MAIK bagi  
penubuhan Pusat  
Sehenti Kerusi Roda  
pertama di Pantai Timur

**RM180,000.00**

Sumbangan Alat Ganti  
**KERUSI RODA**  
daripada RICD dan  
MAIK untuk keperluan  
alat ganti kerusi roda  
**sesuai dengan  
KEPERLUAN OKU**

**21 Murid**

Berkeperluan Khas  
Menerima Kerusi  
Roda yang telah  
dimodifikasi melalui  
kerjasama JPN Kelantan

10 Sukarelawan  
Teknikal berjaya  
diwujudkan untuk  
menyumbang  
kepakaran dalam  
**MODIFIKASI  
KERUSI RODA**

Limitasi pergerakan  
**OKU** diminimakan  
Limitasi pergerakan  
dengan kerusi roda  
mengikut keperluan  
setiap jenis kecacatan





## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### LEADERSHIP IN ACADEMIC SOCIETY EXPERIENTIAL RELATIONSHIP (LASER)

Merupakan program peningkatan kompetensi kepimpinan akademik dalam libatsama universiti-komuniti yang menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti. Program ini menggunakan modul "University-Community Engagement Leadership Toolkit Sharing Best Practices" untuk membantu merangka pelaksanaan projek yang berimpak tinggi secara 'by design' merangkumi elemen penyelidikan, libatsama

universiti-komuniti, pembangunan, pengkormesilan dan kelestarian. Program ini dilaksanakan sejak 2019-2022 melibatkan Universiti Awam, Swasta dan NGO. USM juga merupakan perintis membangunkan 'Toolkit Sharing Best Practices' berkaitan libatsama universiti komuniti berimpak.

**RM240,000.00**

Pembiayaan oleh  
Akademi Kepimpinan  
Pendidikan Tinggi (AKEPT)

#### 278 peserta

mengikuti siri latihan yang terdiri daripada pemimpin dan pengurus universiti dari kumpulan akademik dan pentadbir

#### 11 Siri Latihan SECARA

hand-on dan mind-on telah DILAKSANAKAN diperingkat USM dan kebangsaan

#### 1 Penerbitan Modul

"University-Community Engagement Leadership Toolkit Sharing Best Practices" telah diterbitkan oleh Penerbit USM

#### 1 Platform LATIHAN


Secara Maya iaitu secara 'web-based' telah dibangunkan untuk melaksanakan modul latihan secara maya





**PAUTAN VIDEO  
PROGRAM / PROJEK,  
BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI &  
MASYARAKAT (BJIM) USM**






Program INNO4C Sarawak, *Madu Scale-up Project*



Program INNO4C Sarawak, *Pepper Scale-up Project*



Program empowerNCER Akademik Pulau Pinang



Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK),  
Universiti Sains Malaysia



## Video PENGENALAN PROJEK KELULUNOMIC



Video 1 : Introduction to Kelulut Industry



Video 2 : Introduction to stingless beekeeping



Video 5 : Income estimations from stingless beekeeping



Video 6 : Introduction to the Stingless bee



Video 3 : Benefits and Uniqueness in Stingless beekeeping



Video 4 : Opportunity in Stingless beekeeping



Video 7 : Source of colony and type of hives



Video 8 : Advantages of Sustainable beekeeping using Mustafa-Hive



Video 9 : How to make Mustafa-Hive



Video 10 : Basic technique in hive movement



Video 13 : Preparation for harvesting



Video 14 : Honey harvesting



Video 11 : Resources and selection of farm area



Video 12 : Enemies of Kelulut and cares of hive



Video 15 : Post harvest management



Video 16 : Closing remarks

## Video Latihan Penternakan Madu Kelulut



# Terima Kasih

Hubungi:  
Unit Peneraju Inovasi Sosial & Pemindahan Ilmu  
Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat &  
Kelestarian Institusi (BJIM&KI)  
Aras 1, Bangunan Canselori II  
11800 USM, Pulau Pinang

Tel: 04-6536593

Faks: 04-6536406



<https://icn.usm.my/>



Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat & Kelestarian Institusi



BJIM USM



communitynetworkbjimusm